**MINIT MESYUARAT**
**JAWATANKUASA ISO (JKISO) UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**
**KALI KE-20**

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 18 Disember 2014 |
| Masa | : | 2.30 petang |
| Tempat | : | Dewan Senat, Tingkat 1, Bangunan Pentadbiran Universiti Putra Malaysia |
| Kehadiran | : | Lampiran A |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| **Pendahuluan** | **Kata Aluan Pengerusi**<br><br>Pengerusi :<br><br>(a) memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam dan terima kasih atas kehadiran ahli Jawatankuasa ISO (JK ISO) Universiti Putra Malaysia ke Mesyuarat Kali ke-20;<br><br>(b) merakam penghargaan kepada semua di atas komitmen melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) sepanjang tahun 2014. | **Makluman**<br><br>**Makluman** |
| **Minit 20.1** | **Mengesahkan Minit Mesyuarat Yang Lepas**<br><br>Minit Mesyuarat kali ke-19 yang telah diadakan pada 4 September 2014 disahkan dengan pindaan iaitu nama Puan Salmee Suhana binti Hashim dikeluarkan daripada senarai Tidak Hadir (Dengan Kenyataan). | **Makluman** |
| **Minit 20.2** | **Perkara Berbangkit**<br><br>Mesyuarat mengambil maklum akan Status Tindakan Susulan Mesyuarat JKISO kali ke-19 seperti mana kertas yang telah diedarkan, dan mesyuarat :<br><br>Minit 19.4.2 - Annex Sijil Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001: 2008 | |

<table>
<tr><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th></tr>
<tr><td></td><td>mengambil maklum bahawa Bahagian Pengurusan Kualiti sedang mengemaskini Annex Sijil Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 mengikut skop di Pusat Tanggungjawab (PTJ) setelah mendapat maklum balas daripada Peneraju/PTJ. Annex berkenaan akan dimurnikan semasa Bengkel Semakan Pengurusan pada 13 Januari 2015 sebelum dimajukan kepada pihak SIRIM.</td><td>Ketua BPQ/TWP Peneraju/<br>TWP PTJ</td></tr>
<tr><td>Minit 20.3</td><td>Laporan Audit ISO<br><br>Mesyuarat :<br><br>(a) mengambil maklum mengenai tarikh audit bagi Sistem Pengurusan Kualiti (SPK), Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) seperti berikut:
<table>
<tr><th>Bil</th><th>Pensijilan</th><th>Audit Dalaman</th><th>Badan Pensijilan</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Sistem Pengurusan Kualiti</td><td>23 Mac - 10 April 2015</td><td>11 - 22 Mei 2015</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Sistem Mengurusan Keselamatan Maklumat</td><td>6-7 Oktober 2015</td><td>i. Pemantauan Semakan 2 (29-30 Januari 2015)<br>ii. Pensijilan Semula (16-17 November 2015)</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Sistem Pengurusan Alam Sekitar</td><td>23 Mac - 10 April 2015</td><td>Pemantauan Semakan 1 (25 - 27 Mei 2015)</td></tr>
</table>
Sehubungan itu, Ketua PTJ dimohon memberi pelepasan tugas kepada Lead Assessor dan Juruaudit PTJ bagi melaksanakan audit dalaman.<br><br>(b) mengambil maklum mengenai status tindakan terhadap penemuan audit dalaman SPK iaitu sebanyak 174 daripada 186 (93.5%) ketakakuran telah ditutup dan sebanyak 81 daripada 81 (100%) ketakakuran bagi Sistem Pengurusan Alam Sekitar telah ditutup.</td><td>Makluman<br><br>TWP Peneraju/<br>TWP PTJ<br><br>Makluman</td></tr>
</table>

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (c) mengambil maklum bahawa semua ketakakuran yang ditemui semasa audit SIRIM bagi Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) telah ditutup pada 1 Disember 2014. Bagi Audit Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS), tindakan pembetulan telah ditutup pada 12 September 2014. | **Makluman** |
| **Minit 20.4** | **Laporan Dokumentasi ISO**<br><br>**Mesyuarat :**<br><br>(a) menerima maklum mengenai Status Pindaan Dokumentasi ISO Universiti Putra Malaysia bagi Tahun 2014 seperti mana kertas yang telah diedarkan.<br><br>(b) mengambil perhatian mengenai Jadual Tindakan Kuatkuasa Dokumen ISO bagi tahun 2015 bagi memberi ruang kepada Peneraju Proses membuat perancangan untuk memantapkan dokumen ISO seperti mana di **Lampiran 1**. | <br><br><br><br>**Makluman**<br><br><br><br>**TPKD PP** |
| **Minit 20.5** | **Hal-Hal Lain**<br><br>**1. Laporan Pelaksanaan Sistem Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013**<br><br>Mesyuarat :<br><br>(a) mengambil maklum akan pembentangan pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat mengikut Standard Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 seperti mana kertas yang telah diedarkan.<br><br>(b) dimaklumkan bahawa skop pensijilan ISMS UPM mengikut Standard ISO/IEC 27001:2013 ialah Pengurusan Sistem Keselamatan Maklumat bagi operasi Pusat Data UPM yang merangkumi perkakasan (*server* dan storan) dan data/maklumat | <br><br><br><br><br><br>**Makluman**<br><br><br><br><br><br>**Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | untuk aplikasi kritikal berikut:<br>i. Laman Web Utama Universiti;<br>ii. Sistem Pengurusan Kewangan;<br>iii. Sistem Pengurusan Sumber Manusia;<br>iv. Sistem Maklumat Pelajar (SMP); dan<br>v. Sistem Maklumat Pelajar (iGIMS) | |
| | (c) dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Jaminan Kualiti ISMS melalui Mesyuarat Kali ke-4 pada 13 Oktober 2014 telah bersetuju menyerah pelaksanaan ISMS kepada Bahagian Pengurusan Kualiti, Pejabat Pendaftar mulai tahun 2015. Ketetapan ini adalah selaras dengan perubahan keperluan dalam Standard ISMS yang baharu. | **Makluman** |
| | **2. Laporan Pelaksanaan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan UPM (HKIP) 2014**<br><br>Mesyuarat : | |
| | (a) mengambil maklum bahawa UPM telah berjaya mengadakan Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) UPM Tahun 2014 pada 6 November 2014, bertempat di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM. Pelaksanaan HKIP ini merupakan sebahagian daripada aktiviti peningkatan inovasi yang menyumbang kepada pencapaian Matlamat ke-5 dalam Pelan Strategik UPM 2014-2020 iaitu Mempertingkatkan Kualiti Tadbir Urus. | **Makluman** |
| | (b) mengambil maklum bahawa objektif Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) UPM Tahun 2014 adalah:<br><br>i. meningkatkan kesedaran warga UPM terhadap kepentingan inovasi dan kreativiti dalam pelaksanaan kerja;<br><br>ii. memupuk dan memperkukuh nilai-nilai budaya inovasi dan kreativiti di UPM;<br><br>iii. merealisasikan pengamalan proses, pendekatan dan budaya berteraskan ciri-ciri | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | inovatif dan kreatif dalam perkhidmatan; dan<br><br>iv. menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. | |
| | (c) dimaklumkan bahawa pelaksanaan program HKIP 2014 melibatkan kos sebanyak RM41,711.00 yang mana berlaku penjimatan sebanyak RM4069.00 berbanding dengan peruntukan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) sebanyak RM45,768.00. | **Makluman** |
| | (d) mengambil maklum tentang impak kepada pelaksanaan pertandingan Anugerah Inovasi Perkhidmatan dan Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) sempena Sambutan HKIP apabila tiga (3) projek sedang dalam proses paten manakala satu (1) lagi telah dijemput untuk pembentangan paten. | **Makluman** |
| | (e) bersetuju mencadangkan Projek "Lean" dijadikan anugerah baharu sempena Sambutan HKIP Tahun 2015. Penilaian anugerah ini akan dibuat berdasarkan kriteria penilaian peringkat kebangsaan. | **Ketua BPQ/TWP Pejabat Pendaftar** |
| | (f) mengambil perhatian mengenai penyertaan PTJ dalam anugerah yang dipertandingkan sempena HKIP memberi implikasi kepada Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran. Sehubungan itu, mesyuarat bersetuju supaya:<br><br>(i) PTJ membuat perancangan dan membuat persediaan untuk terlibat dalam pertandingan anugerah sempena HKIP 2015; dan<br>(ii) Urusetia akan memaklum pencapaian 'rating' kepada PTJ yang terlibat. | **TWP PTJ/ Ketua BPQ** |
| | **3. Pelaksanaan KIK dan Projek Inovasi Perkhidmatan UPM** | |
| | Mesyuarat mengambil perhatian mengenai pembentangan Pelaksanaan KIK dan Projek Inovasi Perkhidmatan UPM oleh Ketua, Bahagian Pengurusan Kualiti dan bersetuju dengan syor berikut: | **Ketua BPQ** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (a) staf yang terlibat dalam KIK dan Projek Inovasi perlu diberi ganjaran seperti pertimbangan untuk kenaikan pangkat, terpilih dalam program *UPM Talent Appreciation and Culture Transformation* (UPMTACT) dan *UPM Talent Outreach Programme* (UPMTOP) sebagai motivasi kepada staf yang terlibat agar elemen yang menyumbang kepada inovasi dan kreativiti sentiasa subur. Sehubungan itu, kertas cadangan untuk pertimbangan JPU akan disediakan.<br><br>(b) projek KIK dan Inovasi Perkhidmatan yang berjaya diketengahkan semasa Sambutan HKIP dipamerkan dalam Majlis Gemilang Akademia Putra.<br><br>(c) mencadangkan pihak Universiti memberikan insentif kepada staf jika sesuatu produk KIK atau inovasi berjaya dipatenkan.<br><br>**4. Takwim 2015**<br><br>Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil maklum bahawa Bahagian Pengurusan Kualiti, Pejabat Pendaftar, Universiti Putra Malaysia (UPM) berusaha menyelaras pelbagai aktiviti khusus berkaitan Sistem Pengurusan Kualiti, Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat serta Sistem Pengurusan Alam Sekitar di UPM bagi tahun 2015. Sehubungan itu, Takwim 2015 boleh dijadikan sumber rujukan kepada pihak Pusat Tanggungjawab (PTJ) serta digunapakai secara bersama dalam menyelaras aktiviti berkaitan di peringkat PTJ seperti di **Lampiran 2**. | **Makluman** |
| | (b) mengambil ingatan supaya PTJ memberi keutamaan kepada aktiviti-aktiviti penting berkaitan ISO seperti yang disenaraikan dan mengelak daripada berlaku pertembungan bagi memastikan kelancaran aktiviti ISO di peringkat Universiti seperti Audit Dalaman dan Audit SIRIM. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | **5. Taklimat Sistem e-PKP**<br><br>Mesyuarat dimaklumkan bahawa Pusat Pembangunan dan Pengurusan Aset telah memperkenalkan permohonan Aduan Kerosakan atau Kelulusan Kerja secara atas talian yang dikenali sebagai Sistem e-PKP yang akan berkuatkuasa pada 1 Januari 2015. Sehubungan itu, satu taklimat sistem e-PKP kepada semua PTJ akan diadakan pada 19 Disember 2015. | **Makluman** |
| **Penutup** | **Penangguhan Mesyuarat**<br><br>Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada semua ahli mesyuarat yang hadir.<br><br>Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.00 petang. | **Makluman** |

**LAMPIRAN A**

**SENARAI KEHADIRAN**

Tarikh : 18 Disember 2014
Masa : 2.30 petang
Tempat : Dewan Senat, Tingkat 1, Bangunan Pentadbiran
Universiti Putra Malaysia

**Kehadiran**

| BIL. | NAMA | JAWATAN/PTJ |
|---|---|---|
| 1. | Dato' Wan Azman bin Wan Omar – Pengerusi | Pendaftar/Pengerusi Mesyuarat |
| 2. | Encik Mohd. Nazri bin Md. Yasin | TWP (PP) Pejabat Naib Canselor |
| 3. | Tuan Haji Rosdi bin Wah | TWP (PP) Bahagian Akademik |
| 4. | Encik Anuar Shah bin Bali Mohamed | TWP(PP) Sekolah Pengajian Siswazah |
| 5. | Tuan Haji Hashim bin Md. Shari | TWP (PP) Pej. TNC (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) |
| 6. | Puan Siti Rozana binti Supian | TWP (PP) Pejabat Pendaftar |
| 7. | Puan Rosmala binti Abdul Rahim | TWP (PP) Perpustakaan Sultan Abdul Samad |
| 8. | Puan Wan Nahariah binti Wan Tahir | TWP (PP) Pusat Pembangunan Akademik |
| 9. | Puan Hamidah binti Meseran | TWP (PTJ) Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi |
| 10. | Encik Rosmi bin Othman | TWP (PP) Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi |
| 11. | Tuan Haji Mohd. Nizan bin Jaafar | TWP (PP) Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset |
| 12. | Encik Wan Mohd. Radzi bin Wan Ismail | TWP (PP)Pusat Islam |
| 13. | Dr. Haji Latif bin Anwar | TWP (PP) Bahagian Keselamatan |
| 14. | Encik Fauzi bin Che Yusuf | TWP (PP) Kolej Kediaman |
| 15. | Encik Mohd. Nazri bin Noh | TWP (PTJ) Fakulti Pertanian |
| 16. | Tuan Haji Mustafa bin Che Ali | TWP (PTJ) Fakulti Perhutanan |
| 17. | Encik Asbullah bin Mohd. Yusuf | TWP (PTJ) Fakulti Pengajian Pendidikan |
| 18. | Puan Zainaf binti Udin | TWP (PTJ) Fakulti Sains dan Teknologi Makanan |
| 19. | Encik Mohammad Azlan bin Ali Basah | TWP (PTJ) Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat |

| BIL. | NAMA | JAWATAN/PTJ |
|---|---|---|
| 20. | Encik Nalong Anak Buda (secara v.c.) | TWP (PTJ) Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, UPMKB |
| 21. | Tuan Haji Jamsari bin Tamsir | TWP (PTJ) Institut Biosains |
| 22. | Encik Din bin Ayub | TWP (PTJ) Institut Teknologi Maju |
| 23. | Puan Wan Rohani binti Wan Mohamed | TWP (PTJ) Institut Penyelidikan Matematik |
| 24. | Puan Joliah bin Hussin | TWP (PTJ) Institut Gerontologi |
| 25. | Cik Aidawati binti Ramali | TWP (PTJ) Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan |
| 26. | Encik Zamre bin Yaacob | TWP (PTJ) Institut Pengajian Sains Sosial |
| 27. | Puan Sarah Salwah binti Adnan | TWP (PTJ) Institut Pertanian Tropika |
| 28. | Puan Noorizai binti Mohamad Noor | Pejabat Pendaftar/Setiausaha |

**Turut Hadir**

| BIL. | NAMA | JAWATAN/PTJ |
|---|---|---|
| 1. | Encik Fahmi Azar bin Mistar | Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi |
| 2. | Puan Shamilah binti Samian | Akademi Sukan |
| 3. | Tuan Haji Nasarudin bin Yahya | Pusat Pengimejan dan Diagnostik Nuklear |
| 4. | Tuan Haji Mohd Naim bin Mohd Ishak | Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan |
| 5. | Encik Mat Razi bin Abdullah | Pejabat Pendaftar |
| 6. | Puan Noraihan binti Noordin | Pejabat Pendaftar |
| 7. | Puan Nik Amelia binti Nik Mustapha | Wakil TWP (PP) Pejabat TNC (PI) |
| 8. | Encik Mohamad Saroto bin Sairan | Wakil TWP (PP) Pejabat TNC(JINM) |
| 9. | Puan Noruniza binti Mahmud | Wakil TWP(PP) Pejabat Bursar |
| 10. | Puan Siti Hajar binti Sukiman | Wakil TWP(PP) PKSSAAS |
| 11. | Dr. Suhyna binti Mohamad Sulaiman | Wakil TWP (PP) Pusat Kesihatan Universiti |
| 12. | Puan Dianna Watty binti Ibrahim | Wakil TWP (PP) Penerbit |

| BIL. | NAMA | JAWATAN/PTJ |
|---|---|---|
| 13. | Puan Latifah binti Amir | Wakil TWP (PP) Taman Pertanian Universiti |
| 14. | Cik Siti Maryam binti Othman | Wakil TWP (PP) Pejabat Penasihat Undang-Undang |
| 15. | Puan Shamiza binti Shari | Wakil TWP (PTJ) Fakulti Kejuruteraan |
| 16. | Puan Siti Khadijah binti Ahmad | Wakil TWP (PTJ) Fakulti Ekonomi dan Pengurusan |
| 17. | Puan Sharifah bin Hussin | Wakil TWP (PTJ) Fakulti Ekologi Manusia |
| 18. | Puan Ruhaizan binti Abdul Rahman | Wakil TWP (PTJ) Fakulti Rekabentuk dan Senibina |
| 19. | Encik Abdul Aziz bin Harun | Wakil TWP (PTJ) Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul |

**Tidak hadir (Dengan Kenyataan)**

| BIL. | NAMA | JAWATAN |
|---|---|---|
| 1. | Dr. Mohamad Amran bin Mohd. Salleh | TWP EMS |
| 2. | Puan Chek Zan binti Kasah | TWP (PP) Pej. TNC (Penyelidikan dan Inovasi) |
| 3. | Puan Nor Adida binti Ab Khalid | TWP (PP) Pej. TNC(Jaringan Industri dan Masyarakat) |
| 4. | Puan Rohani binti Abdul Latif | TWP (PP) Pejabat Bendahari |
| 5. | Puan Hasliza binti Zakaria | TWP (PP) Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset |
| 6. | Encik Julbakar bin Tajudin | TWP (PTJ) Fakulti Perubatan Veterinar |
| 7. | Encik Muhammad Adil bin Ahmad Tajuddin | TWP(PP) Pej. Penasihat Undang-Undang |
| 8. | Tuan Haji Abdul Ghani bin Hashim | TWP (PP) Taman Pertanian Universiti |
| 9. | Encik Abd. Razak bin Ahmad | TWP (PP) Penerbit |
| 10. | Tuan Haji Anuar bin Haji Ahmad | TWP (PTJ) Pusat Kebudayaan dan Kesenian SSAAS |
| 11. | Encik Roslan bin Parjo | TWP(PTJ) Pusat Kesihatan Universiti |
| 12. | Tuan Haji Suhaifi bin Sulaiman | Pusat Asasi Sains Pertanian |
| 13. | Puan Salmee Suhana binti Hashim | Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa |
| 14. | Tuan Haji Amran bin Zakaria | TWP (PTJ) Fakulti Kejuruteraan |

| BIL. | NAMA | JAWATAN |
|---|---|---|
| 15. | Encik Mustaffa bin Hj. Dollah | TWP(PTJ) Fakulti Ekonomi dan Pengurusan |
| 16. | Encik Shahriman bin Hashim | TWP(PTJ) Fakulti Ekologi Manusia |
| 17. | Encik Shari Shawarudin bin Pandak Osman | TWP (PTJ) Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi |
| 18. | Tuan Haji Mohd. Aris Fadzillah bin Abdullah | TWP (PTJ)Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan |
| 19. | Tuan Haji Ab. Malek bin Simon | TWP (PTJ) Fakulti Rekabentuk dan Senibina |
| 20. | Encik Amiruddin bin Abdul Aziz | TWP (PTJ) Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul |
| 21. | Tuan Haji Mhd. Hussin bin Abdul Rahim | TWP (PTJ) Fakulti Pengajian Alam Sekitar |
| 22. | Puan Fairuz binti Mukhtar | Fakulti Sains |
| 23. | Encik Ahmad Nizam Abdullah | Institut Penyelidikan Produk Halal |
| 24. | Puan Nor Baizura binti Zamri | TWP (PTJ) Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan |

**Lampiran 1**

# JADUAL TINDAKAN KUATKUASA DOKUMEN
# SISTEM PENGURUSAN ISO UPM
# BAGI TAHUN 2015

| AKTIVITI/PROSES | TINDAKAN | TARIKH KUATKUASA DOKUMEN | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | **Jan** | **Mac** | **Mei** | **Jul** | **Sept** | **Nov** |
| | | **23** | **12** | **8** | **14** | **15** | **19** |
| 1. Terima cadangan Pindaan dokumen (CPD) daripada pemohon/staf. Semak dan bincang kesesuaian cadangan | **TPKD PP / Urus Setia Peneraju Proses** | Bergantung kepada Peneraju proses | Bergantung kepada Peneraju proses | Bergantung kepada Peneraju proses | Bergantung kepada Peneraju proses | Bergantung kepada Peneraju proses | Bergantung kepada Peneraju proses |
| 2. Bawa ke mesyuarat Pengurusan Peneraju Proses / Semakan Keberkesanan Peneraju Proses. Maklum kepada pemohon keputusan mesyuarat. Jika lulus, laksanakan proses kawalan dokumen | **TPKD PP / TWP PP** | | | | | | |
| 3. Muat naik dokumen dalam Sistem Pengurusan ISO (e-ISO) dalam Modul TPKD PP<br>Nota: 5 hari bekerja sebelum tarikh kuatkuasa | **TPKD PP / Urus Setia Peneraju Proses** | **15** | **4** | **28/4** | **3** | **7** | **11** |
| 4. E-mel dokumen sokongan pindaan dokumen, iaitu:<br>(a) Statistik Perubahan Dokumen;<br>(b) Perincian Perubahan Dokumen - merupakan lampiran kepada perkara (b);<br>(c) Huraian pindaan dokumen yang lengkap | **TPKD PP / Urus Setia Peneraju Proses** | **15** | **4** | **28/4** | **3** | **7** | **11** |
| 5. Hantar dokumen *hardcopy,* iaitu:<br>(a) Borang Cadangan Pindaan/Tambahan Dokumen (CPD) yang telah lengkap peringkat TPKD;<br>(b) Borang Pengesahan Kelulusan Dokumen yang telah lengkap ditandatangani oleh | **TPKD PP / Urus Setia Peneraju Proses** | **16** | **5** | **29/4** | **6** | **8** | **12** |

| AKTIVITI/PROSES | TINDAKAN | TARIKH KUATKUASA DOKUMEN | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Jan | Mac | Mei | Jul | Sept | Nov |
| | | 23 | 12 | 8 | 14 | 15 | 19 |
| Ketua PTJ (Bagi Prosedur, Arahan Kerja dan Garis Panduan sahaja); (c) Petikan minit mesyuarat kelulusan dokumen peringkat Peneraju Proses | | | | | | | |
| 6. Semakan dan pengesahan dokumen yang dimuat naik | **PKD / Urus Setia Induk** | **19-21** | **6-10** | **30/4-5/5** | **8-10** | **9-11** | **13-17** |
| 7. Buat hebahan perubahan dokumen | **PKD** | **22** | **11** | **6** | **13** | **14** | **18** |
| 8. Pulangkan semula Borang Cadangan Pindaan/Tambahan Dokumen (CPD) yang telah lengkap kepada TPKD PP | **PKD / Urus Setia Induk** | **2-13/2** | **19-26** | **15-22/5** | **3-7/8** | **29/9-8/10** | **3-10/10** |
| 9. Simpan Borang Cadangan Pindaan/Tambahan Dokumen (CPD) yang diterima dari PKD dalam Fail Kawalan Dokumen Peneraju Proses (Rujuk Prosedur Kawalan Dokumen) | **TPKD PP / Urus Setia Peneraju Proses** | Bergantung kepada tarikh edaran daripada PKD | Bergantung kepada tarikh edaran daripada PKD | Bergantung kepada tarikh edaran daripada PKD | Bergantung kepada tarikh edaran daripada PKD | Bergantung kepada tarikh edaran daripada PKD | Bergantung kepada tarikh edaran daripada PKD |

Nota:

PKD – Pegawai Kawalan Dokumen
TPKD PP – Timbalan Pegawai Kawalan Dokumen Peneraju Proses
TWP PP – Timbalan Wakil Pengurusan Peneraju Proses

Lampiran A

# PERINCIAN TAKWIM AKTIVITI
# BAHAGIAN PENGURUSAN KUALITI (BPQ) TAHUN 2015

**Kemaskini : 16 DISEMBER 2015 | 2.44 PETANG**

| PETUNJUK |
|---|
| Tarikh penting yang yang perlu diberi keutamaan |

| BIL. | TARIKH/HARI /MASA | NAMA AKTIVITI | TEMPAT | PERASMI KEHORMAT/PENGERUSI (JIKA ADA) | NAMA PEGAWAI, JAWATAN, NO. TEL DAN E-MAIL | PENGLIBATAN | OBJEKTIF | CATATAN/ STATUS |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 13 Januari 2015 (Selasa) | Bengkel Semakan Prosedur Skop Pengurusan | Dewan Al-Farabi, Fakulti Ekologi Manusia | Pengerusi : Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti | Encik Ahmad Hafizd Hitam<br>Pembantu Tadbir (P/O)<br>03-8947 1508<br>hafizd_hitam@upm.edu.my | 1. Wakil Pengurusan<br>2. Ketua Juruaudit<br>3. 10 orang Lead Assessor<br>4. Timbalan Penyelaras Audit<br>5. Pegawai BPQ | 1. Pemurnian Manual ISO (QMS dan EMS) Prosedur Audit Dalaman<br>2. Kaedah Audit yang efektif<br>3. Penyusunan Juruaudit | |
| 2 | 16 Januari 2015 (Jumaat)<br>8.30 Pagi | Mesyuarat Jawatankuasa ISO UPM Kali Pertama | Dewan Senat | Pengerusi : Wakil Pengurusan | Encik Mat Razi Abdullah<br>Ketua Seksyen Perkhidmatan Sokongan<br>03-8947 1513<br>mra@upm.edu.my | Timbalan Wakil Pengurusan | | |
| 3 | 23 Januari 2015 (Jumaat) | Kuatkuasa Dokumen ISO | Tiada | Tiada | Puan Rozi Tamin<br>Ketua Seksyen Dokumentasi<br>03-8947 1512<br>t_rozi@upm.edu.my | | | |
| 4 | 26 Januari 2015 (Isnin)<br>9.00 pagi | Mesyuarat Bahagian Pengurusan Kualiti | Bilik Putra 2 | Pengerusi : Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti | Puan Siti Fatimah Hashim<br>Penolong Pegawai Tadbir<br>03-8947 1435<br>sfatimah@upm.edu.my | Staf Bahagian Pengurusan Kualiti | | |
| 5 | **29 Januari 2015 (Khamis) hingga 30 Januari 2015 (Jumaat)** | **Audit Pemantauan Kedua Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (IEC 27001:2013)** | **Pembukaan dan Penutup : Dewan Taklimat Serdang** | **Naib Canselor UPM** | **Puan Noraihan Noordin<br>Ketua Seksyen Audit Kualiti<br>03-8947 1568<br>noraihan@upm.edu.my** | **1. Ahli JPU<br>2. Pegawai iDEC<br>3. Peneraju Sistem<br>4. Juruaudit Dalaman** | | **Ketua Juruaudit<br>Cik Efizan** |
| 6 | 05 Februari 2015 (Khamis)<br>9.00 pagi hingga 5.00 petang | Bengkel Penyelarasan Penutupan Penemuan Hasil Audit Pemantauan Kedua Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (IEC 27001:2013) | CADe | Pengerusi: Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti | Puan Noraihan Noordin<br>Ketua Seksyen Audit Kualiti<br>03-8947 1568<br>noraihan@upm.edu.my | 1. Pegawai iDEC<br>2. Pentadbir Sistem<br>3. Peneraju Proses<br>4. Pengguna Sistem | 1. Mengenalpasti pembetulan, punca penyebab dan tindakan pembentulan<br>2. Menetukan pelan tindakan terhadap penemuan audit<br>3. Menentukan bukti objektif yang perlu dimajukan bagi tujuan penutupan audit | Tarikh akhir :<br>1. Pelan Tindakan 27 Februari 2015 (Jumaat)<br>2. Bukti Objektif pada 29 April 2015 (Khamis) |
| 7 | 06 Februari 2015 (Jumaat)<br>9.00 pagi | Mesyuarat Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan Kali Pertama | Bilik Lembaga | Pengerusi : Pendaftar UPM | Encik Mat Razi Abdullah<br>Ketua Seksyen Perkhidmatan Sokongan<br>03-8947 1513<br>mra@upm.edu.my | | | |

# PERINCIAN TAKWIM AKTIVITI
# BAHAGIAN PENGURUSAN KUALITI (BPQ) TAHUN 2015

**Kemaskini : 16 DISEMBER 2015 | 2.44 PETANG**

| PETUNJUK |
|---|
| (merah) Tarikh penting yang yang perlu diberi keutamaan |

| BIL. | TARIKH/HARI /MASA | NAMA AKTIVITI | TEMPAT | PERASMI KEHORMAT/PENGERUSI (JIKA ADA) | NAMA PEGAWAI, JAWATAN, NO. TEL DAN E-MAIL | PENGLIBATAN | OBJEKTIF | CATATAN/ STATUS |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 8 | 10 Februari 2015 (Selasa) - 11 Februari 2015 (Rabu)<br><br>8.30 pagi hingga 5.00 petang | Kursus Pengukuhan Juruaudit ISO | Dewan OSH | Tiada | Encik Ahmad Hafizd Hitam<br>Pembantu Tadbir (P/O)<br>03-8947 1508<br>hafizd_hitam@upm.edu.my | 1. Lead Assessor<br>2. Juruaudit PTJ | Memberi pengukuhan kepada Juruaudit berkaitan pemahaman standard | |
| 9 | 12 Februari 2015 (Khamis) dan 16 Februari 2015 (Isnin)<br>9.00 pagi - 12.00 tengah hari - QMS<br>2.30 petang - 4.30 petang - EMS | Taklimat Kesedaran Sistem Pengurusan Kualiti dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar | Dewan OSH | Pengerusi : Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti | Puan Siti Fatimah Hashim<br>Penolong Pegawai Tadbir<br>03-8947 1435<br>sfatimah@upm.edu.my | 1. Timbalan Wakil Pengurusan<br>2. Peneraju Proses<br>3. Pegawai Sains/Pembantu Makmal<br>4. Penolong Pegawai Pertanian<br>5. Juruteknik<br>6. Lead Assessor<br>7. Staf baharu | Memberi kesedaran berkaitan sistem yang sedang digunapaki di UPM berkaitan pengurusan kualiti dan alam sekitar. | |
| 10 | 13 Februari 2015 (Jumaat)<br>9.00 pagi | Taklimat Pelaksanaan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan | Dewan Taklimat Serdang | Pengerusi : Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti | Encik Mat Razi Abdullah<br>Ketua Seksyen Perkhidmatan Sokongan<br>03-8947 1513<br>mra@upm.edu.my | 1. Timbalan Wakil Pengurusan<br>2. Nama yang diberi oleh PTJ | 1. Menyampaikan hasrat UPM berkaitan pelaksanaan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan.<br>2. Menyampaikan kriteria pelaksanaan | |
| 11 | 27 Februari 2015 (Jumaat)<br>10.00 pagi | Perkongsian Inovasi dan Kualiti (IQ Talk) | Dewan Taklimat Serdang | Pengerusi : Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti | Puan Noorizai Mohd Noor<br>Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti<br>03-8947 1555<br>nzai@upm.edu.my | Staf UPM | Memberi pendedahan kepada staf UPM berkaitan inovasi dan kualiti | |
| 12 | 12 Mac 2015 (Khamis) | Kuatkuasa Dokumen ISO | Tiada | Tiada | Puan Rozi Tamin<br>Ketua Seksyen Dokumentasi<br>03-8947 1512<br>t_rozi@upm.edu.my | | | |
| 13 | 12 Mac 2015 (Khamis)<br>8.30 pagi hingga 5.00 petang | Seminar Pengurusan Kualiti | Auditorium Veterinar | Naib Canselor UPM | Puan Noorizai Mohd Noor<br>Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti<br>03-8947 1555<br>nzai@upm.edu.my | 1. Ahli JPU<br>2. Pegawai Kanan<br>3. Ahli Jawatankuasa ISO peringkat PTJ<br>4. Kepemimpinan Pelajar | 1. Perkongsian pelaksanaan Kualiti di UPM<br>2. Pengukuhan amalan pelaksanaan terbaik dalam perkhidmatan | |
| 14 | 16 Mac 2015 (Isnin) hingga 17 Mac 2015 (Selasa) | Bengkel Pengukuhan Kualiti Pejabat Pendaftar | Luar Kampus | Pendaftar UPM | Puan Siti Fatimah Hashim<br>Penolong Pegawai Tadbir<br>03-8947 1435<br>sfatimah@upm.edu.my | Semua staf Pejabat Pendaftar | 1. Pemantapan pemahaman pengurusan dan pelaksanaan ISO<br>2. Pemurnian Prosedur Sokongan dan Operasi Pejabat Pendaftar | |

## PERINCIAN TAKWIM AKTIVITI
## BAHAGIAN PENGURUSAN KUALITI (BPQ) TAHUN 2015

**Kemaskini : 16 DISEMBER 2015 | 2.44 PETANG**

| PETUNJUK |
|---|
| (merah) Tarikh penting yang yang perlu diberi keutamaan |

| BIL. | TARIKH/HARI /MASA | NAMA AKTIVITI | TEMPAT | PERASMI KEHORMAT/PENGERUSI (JIKA ADA) | NAMA PEGAWAI, JAWATAN, NO. TEL DAN E-MAIL | PENGLIBATAN | OBJEKTIF | CATATAN/ STATUS |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 15 | **23 Mac 2015 (Isnin) - Pembukaan hingga 10 April 2015 (Jumaat)<br><br>17 April 2015 (Jumaat) - Penutup jam 3.00 petang** | **Audit Dalaman Sistem Pengurusan Alam Sekitar dan Sistem Pengurusan Kualiti** | **Pembukaan dan Penutup : Dewan Taklimat Serdang** | **Wakil Pengurusan (Pembukaan)<br><br>Naib Canselor (Penutup)** | **Puan Noraihan Noordin<br>Ketua Seksyen Audit Kualiti<br>03-8947 1568<br>noraihan@upm.edu.my** | **1. TWP Fakulti, Pusat Asasi, TPU<br>2. Peneraju Proses<br>3. TPAD/TPKD** | | |
| 16 | 21 April 2015 (Selasa) hingga 22 April 2015 (Rabu) | Bengkel Penyelarasan Penutupan Penemuan Hasil Audit Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar | Dewan Al-Farabi, Fakulti Ekologi Manusia | Pengerusi: Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti | Puan Noraihan Noordin<br>Ketua Seksyen Audit Kualiti<br>03-8947 1568<br>noraihan@upm.edu.my | 1. TWP Fakulti, Pusat Asasi, TPU<br>2. Peneraju Proses<br>3. TPAD/TPKD<br>4. Nama yang diberi oleh PTJ | 1. Mengenalpasti pembetulan, punca penyebab dan tindakan pembentulan<br>2. Menetukan pelan tindakan terhadap penemuan audit<br>3. Menentukan bukti objektif yang perlu dimajukan bagi tujuan penutupan audit | |
| 17 | 23 April 2015 (Khamis)<br>9.00 pagi | Mesyuarat Jawatankuasa ISO UPM Kali Kedua | Dewan Senat | Pengerusi : Pendaftar UPM | Encik Mat Razi Abdullah<br>Ketua Seksyen Perkhidmatan Sokongan<br>03-8947 1513<br>mra@upm.edu.my | Timbalan Wakil Pengurusan | | |
| 18 | 24 April 2015 (Jumaat)<br>10.00 pagi | Perkongsian Inovasi dan Kualiti (IQ Talk) | Dewan Taklimat Serdang | Pengerusi : Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti | Puan Noorizai Mohd Noor<br>Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti<br>03-8947 1555<br>nzai@upm.edu.my | Staf UPM | Memberi pendedahan kepada staf UPM berkaitan inovasi dan kualiti | |
| 19 | 27 April 201<br>9.00 pagi | Mesyuarat Bahagian Pengurusan Kualiti | Bilik Putra 2 | Pengerusi : Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti | Puan Siti Fatimah Hashim<br>Penolong Pegawai Tadbir<br>03-8947 1435<br>sfatimah@upm.edu.my | Staf Bahagian Pengurusan Kualiti | | |
| 20 | **30 April 2015 (Khamis)<br>9.00 pagi** | **Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan QMS dan EMS** | **Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan** | **Pengerusi: Naib Canselor UPM** | **Puan Rozi Tamin<br>Ketua Seksyen Dokumentasi<br>03-8947 1512<br>t_rozi@upm.edu.my** | | | |
| 21 | **11 Mei 2015 (Isnin) - Pembukaan hingga 22 Mei 2015 (Jumaat)** | **Audit Pensijilan Semula Sistem Pengurusan Kualiti (MS ISO 9001:2008)** | **Pembukaan dan Penutup : Dewan Taklimat Serdang** | **Naib Canselor UPM** | **Puan Noraihan Noordin<br>Ketua Seksyen Audit Kualiti<br>03-8947 1568<br>noraihan@upm.edu.my** | **1. Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti<br>2. Timbalan Wakil Pengurusan<br>3. Juruaudit Dalaman<br>4. Timbalan Penyelaras Audit<br>5. Timbalan Penyelaras Kawalan Dokumen** | | |

## PERINCIAN TAKWIM AKTIVITI
## BAHAGIAN PENGURUSAN KUALITI (BPQ) TAHUN 2015

**Kemaskini : 16 DISEMBER 2015 | 2.44 PETANG**

| PETUNJUK |
|---|
| Tarikh penting yang yang perlu diberi keutamaan |

| BIL. | TARIKH/HARI /MASA | NAMA AKTIVITI | TEMPAT | PERASMI KEHORMAT/PENGERUSI (JIKA ADA) | NAMA PEGAWAI, JAWATAN, NO. TEL DAN E-MAIL | PENGLIBATAN | OBJEKTIF | CATATAN/ STATUS |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 22 | 14 Mei 2015 (Khamis) | Kuatkuasa Dokumen ISO | Tiada | Tiada | Puan Rozi Tamin<br>Ketua Seksyen Dokumentasi<br>03-8947 1512<br>t_rozi@upm.edu.my | | | |
| 23 | **25 Mei 2015 (Isnin) - Pembukaan hingga 27 Mei 2015 (Rabu) - Penutup** | **Audit Pemantauan Pertama Sistem Pengurusan Alam Sekitar (ISO 14001:2004)** | **Pembukaan dan Penutup : Dewan Taklimat Serdang** | **Naib Canselor UPM** | **Puan Noraihan Noordin<br>Ketua Seksyen Audit Kualiti<br>03-8947 1568<br>noraihan@upm.edu.my** | **1. Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti<br>2. Timbalan Wakil Pengurusan<br>3. Juruaudit Dalaman<br>4. Timbalan Penyelaras Audit<br>5. Timbalan Penyelaras Kawalan Dokumen** | | **Ketua Juruaudit Cik Hanida (Tentatif)** |
| 24 | *15 Jun 2015 (Isnin) dan 16 Jun 2015 (Selasa)<br>9.00 pagi hingga 5.00 petang | Bengkel Penyelarasan Penutupan Penemuan Hasil Audit Pensijilan Semula Sistem Pengurusan Kualiti dan Audit Pemantauan Pertama Sistem Pengurusan Alam Sekitar (ISO 14001:2004) | Dewan OSH | Tiada | Puan Noraihan Noordin<br>Ketua Seksyen Audit Kualiti<br>03-8947 1568<br>noraihan@upm.edu.my | 1. Timbalan Wakil Pengurusan<br>2. Peneraju Proses<br>3. Timbalan Penyelaras Audit<br>4. Timbalan Penyelaras Kawalan Dokumen<br>5. Nama yang diberi oleh PTJ | 1. Mengenalpasti pembetulan, punca penyebab dan tindakan pembentulan<br>2. Menetukan pelan tindakan terhadap penemuan audit<br>3. Menentukan bukti objektif yang perlu dimajukan bagi tujuan penutupan audit | **Tarikh akhir QMS:**<br>1. Pelan Tindakan 19 Jun 2015 (Jumaat)<br>2. Bukti Objektif pada 21 Ogos 2015 (Jumaat)<br>**Tarikh akhir EMS:**<br>1. Pelan Tindakan 26 Jun 2015 (Jumaat)<br>2. Bukti Objektif pada 26 Ogos 2015 (Rabu) |
| 25 | 26 Jun 2015 (Jumaat)<br>9.00 pagi | Mesyuarat Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan Kali Kedua | Bilik Lembaga | Pengerusi : Pendaftar UPM | Encik Mat Razi Abdullah<br>Ketua Seksyen Perkhidmatan Sokongan<br>03-8947 1513<br>mra@upm.edu.my | | | |
| 26 | 30 Jun 2015 (Selasa)<br>10.00 pagi | Perkongsian Inovasi dan Kualiti (IQ Talk) | Dewan Taklimat Serdang | Pengerusi : Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti | Puan Noorizai Mohd Noor<br>Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti<br>03-8947 1555<br>nzai@upm.edu.my | Staf UPM | Memberi pendedahan kepada staf UPM berkaitan inovasi dan kualiti | |

# PERINCIAN TAKWIM AKTIVITI
# BAHAGIAN PENGURUSAN KUALITI (BPQ) TAHUN 2015

**Kemaskini : 16 DISEMBER 2015 | 2.44 PETANG**

| PETUNJUK |
|---|
| Tarikh penting yang yang perlu diberi keutamaan |

| BIL. | TARIKH/HARI /MASA | NAMA AKTIVITI | TEMPAT | PERASMI KEHORMAT/PENGERUSI (JIKA ADA) | NAMA PEGAWAI, JAWATAN, NO. TEL DAN E-MAIL | PENGLIBATAN | OBJEKTIF | CATATAN/ STATUS |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 27 | 10 Julai 2015 (Jumaat)<br>8.30 pagi | Mesyuarat Jawatankuasa ISO UPM Kali Ketiga | Dewan Senat | Pengerusi: Pendaftar UPM | Encik Mat Razi Abdullah<br>Ketua Seksyen Perkhidmatan Sokongan<br>03-8947 1513<br>mra@upm.edu.my | Timbalan Wakil Pengurusan | | |
| 28 | 14 Julai 2015 (Selasa) | Kuatkuasa Dokumen ISO | Tiada | Tiada | Puan Rozi Tamin<br>Ketua Seksyen Dokumentasi<br>03-8947 1512<br>t_rozi@upm.edu.my | | | |
| 29 | 31 Julai 2015 (Jumaat)<br>9.00 pagi | Mesyuarat Bahagian Pengurusan Kualiti | Rumah Kayu | Pengerusi : Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti | Puan Siti Fatimah Hashim<br>Penolong Pegawai Tadbir<br>03-8947 1435<br>sfatimah@upm.edu.my | Staf Bahagian Pengurusan Kualiti | | |
| 30 | 07 Ogos 2015 (Jumaat)<br>9.00 pagi hingga 5.00 petang | Taklimat Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (IEC 27001:2013) | Dewan Taklimat Serdang | Wakil Pengurusan ISMS | Puan Noraihan Noordin<br>Ketua Seksyen Audit Kualiti<br>03-8947 1568<br>noraihan@upm.edu.my | 1. Pegawai iDEC<br>2. Pentadbir Sistem<br>3. Peneraju Proses<br>4. Pengguna Sistem | Memberi kesedaran berkaitan sistem yang sedang digunapakai di UPM berkaitan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat | |
| 31 | 12 Ogos 2015 (Rabu) hingga 13 Ogos 2015 (Khamis)<br>8.30 pagi hingga 5.00 petang | Kursus Pengenalan Integrasi ISO dan Pembangunan Dokumen | Dewan Al-Farabi, Fakulti Ekologi Manusia | Tiada | Puan Rozi Tamin<br>Ketua Seksyen Dokumentasi<br>03-8947 1512<br>t_rozi@upm.edu.my | Akan Ditentukan Kemudian | | |
| 32 | 28 Ogos 2015 (Jumaat)<br>10.00 pagi | Perkongsian Inovasi dan Kualiti (IQ Talk) | Dewan Taklimat Serdang | Pengerusi : Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti | Puan Noorizai Mohd Noor<br>Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti<br>03-8947 1555<br>nzai@upm.edu.my | Staf UPM | Memberi pendedahan kepada staf UPM berkaitan inovasi dan kualiti | |
| 33 | **08 Oktober 2015 - 10 Oktober 2015** | **Mini Konvensyen KIK dan Inovasi Perkhidmatan UPM** | **Panggung Percubaan** | **Akan ditentukan kemudian** | **Puan Noorizai Mohd Noor<br>Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti<br>03-8947 1555<br>nzai@upm.edu.my** | | | |
| 34 | 17 September 2015 (Jumaat) | Kuatkuasa Dokumen ISO | Tiada | Tiada | Puan Rozi Tamin<br>Ketua Seksyen Dokumentasi<br>03-8947 1512<br>t_rozi@upm.edu.my | | | |
| 35 | 25 Ogos 2015 (Selasa) hingga 26 Ogos 2015 (Rabu) | Kursus Audit Dalaman Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (IEC 27001:2013) | Dewan OSH | Tiada | Puan Noraihan Noordin<br>Ketua Seksyen Audit Kualiti<br>03-8947 1568<br>noraihan@upm.edu.my | Lantikan Baharu | | |

# PERINCIAN TAKWIM AKTIVITI
# BAHAGIAN PENGURUSAN KUALITI (BPQ) TAHUN 2015

**Kemaskini : 16 DISEMBER 2015 | 2.44 PETANG**

| PETUNJUK |
|---|
| Tarikh penting yang yang perlu diberi keutamaan |

| BIL. | TARIKH/HARI /MASA | NAMA AKTIVITI | TEMPAT | PERASMI KEHORMAT/PENGERUSI (JIKA ADA) | NAMA PEGAWAI, JAWATAN, NO. TEL DAN E-MAIL | PENGLIBATAN | OBJEKTIF | CATATAN/ STATUS |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 36 | **06 Oktober 2015 (Selasa) hingga 07 Oktober 2015 (Rabu)** | **Audit Dalaman Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (IEC 27001:2013)** | **Pembukaan dan Penutup : Dewan Taklimat Serdang** | **Wakil Pengurusan (Pembukaan)**<br><br>**Naib Canselor (Penutup)** | **Puan Noraihan Noordin**<br>**Ketua Seksyen Audit Kualiti**<br>**03-8947 1568**<br>**noraihan@upm.edu.my** | **1. Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti**<br>**2. Pegawai iDEC**<br>**3. Peneraju Sistem**<br>**4. Juruaudit Dalaman** | | |
| 37 | 13 Oktober 2015 (Selasa)<br>9.00 pagi | Mesyuarat Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan Kali Ketiga | Bilik Lembaga | Pengerusi: Pendaftar UPM | Encik Mat Razi Abdullah<br>Ketua Seksyen Perkhidmatan Sokongan<br>03-8947 1513<br>mra@upm.edu.my | | | |
| 38 | 16 Oktober 2015 (Jumaat)<br>8.30 pagi hingga 5.00 petang | Bengkel Penyelarasan Penutupan Penemuan Hasil Audit Dalaman Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (IEC 27001:2013) | CADe | Pengerusi : Wakil Pengurusan ISMS | Puan Noraihan Noordin<br>Ketua Seksyen Audit Kualiti<br>03-8947 1568<br>noraihan@upm.edu.my | 1. Pegawai iDEC<br>2. Pentadbir Sistem<br>3. Peneraju Proses<br>4. Pengguna Sistem | 1. Mengenalpasti pembetulan, punca penyebab dan tindakan pembentulan<br>2. Menetukan pelan tindakan terhadap penemuan audit<br>3. Menentukan bukti objektif yang perlu dimajukan bagi tujuan penutupan audit | |
| 39 | **29 Oktober 2015 (Khamis)** | **Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan** | **Dewan Besar** | **Naib Canselor UPM** | **Encik Mat Razi Abdullah**<br>**Ketua Seksyen Perkhidmatan Sokongan**<br>**03-8947 1513**<br>**mra@upm.edu.my** | | | |
| 40 | **05 November 2015 (Khamis)**<br>**9.00 pagi** | **Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan ISMS** | **Dewan Senat** | **Pegerusi : Naib Canselor UPM** | **Puan Rozi Tamin**<br>**Ketua Seksyen Dokumentasi**<br>**03-8947 1512**<br>**t_rozi@upm.edu.my** | | | |
| 41 | **16 November 2015 (Isnin) hingga 17 November 2015 (Selasa)** | **Audit Pensijilan Semula Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (IEC 27001:2013)** | **Pembukaan dan Penutup : Dewan Taklimat Serdang** | **Naib Canselor UPM** | **Puan Noraihan Noordin**<br>**Ketua Seksyen Audit Kualiti**<br>**03-8947 1568**<br>**noraihan@upm.edu.my** | **1. Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti**<br>**2. Pegawai iDEC**<br>**3. Peneraju Sistem**<br>**4. Juruaudit Dalaman** | | |
| 42 | 19 November 2015 (Khamis) | Kuatkuasa Dokumen ISO | Tiada | Tiada | Puan Rozi Tamin<br>Ketua Seksyen Dokumentasi<br>03-8947 1512<br>t_rozi@upm.edu.my | | | |

**PERINCIAN TAKWIM AKTIVITI**
**BAHAGIAN PENGURUSAN KUALITI (BPQ) TAHUN 2015**

**Kemaskini : 16 DISEMBER 2015 | 2.44 PETANG**

| PETUNJUK |
|---|
| Tarikh penting yang yang perlu diberi keutamaan |

| BIL. | TARIKH/HARI /MASA | NAMA AKTIVITI | TEMPAT | PERASMI KEHORMAT/PENGERUSI (JIKA ADA) | NAMA PEGAWAI, JAWATAN, NO. TEL DAN E-MAIL | PENGLIBATAN | OBJEKTIF | CATATAN/ STATUS |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 43 | 24 November 2015 (Selasa) | Bengkel Penyelarasan Penutupan Penemuan Hasil Audit Pemantauan Kedua Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (IEC 27001:2013) | CADe | Pengerusi : Wakil Pengurusan ISMS | Puan Noraihan Noordin<br>Ketua Seksyen Audit Kualiti<br>03-8947 1568<br>noraihan@upm.edu.my | 1. Pegawai iDEC<br>2. Pentadbir Sistem<br>3. Peneraju Proses<br>4. Pengguna Sistem | 1. Mengenalpasti pembetulan, punca penyebab dan tindakan pembentulan<br>2. Menetukan pelan tindakan terhadap penemuan audit<br>3. Menentukan bukti objektif yang perlu dimajukan bagi tujuan penutupan audit | Tarikh akhir :<br>1. Pelan Tindakan 16 Disember 2015 (Rabu)<br>2. Bukti Objektif pada 16 Februari 2016 (Selasa) |
| 44 | 03 Disember 2015 (Khamis)<br>9.00 pagi | Mesyuarat Jawatankuasa ISO UPM Kali Keempat | Dewan Senat | Pengerusi: Pendaftar UPM | Encik Mat Razi Abdullah<br>Ketua Seksyen Perkhidmatan Sokongan<br>03-8947 1513<br>mra@upm.edu.my | Timbalan Wakil Pengurusan | | |
| 45 | 04 Disember 2015 (Jumaat)<br>9.00 pagi | Mesyuarat Bahagian Pengurusan Kualiti | Bilik Putra 2 | Pengerusi : Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti | Puan Siti Fatimah Hashim<br>Penolong Pegawai Tadbir<br>03-8947 1435<br>sfatimah@upm.edu.my | Staf Bahagian Pengurusan Kualiti | | |
| 46 | 08 Disember 2015 (selasa) hingga 09 Disember 2015 (Rabu)<br>8.30 pagi hingga 5.00 petang | Bengkel Integrasi ISO | Dewan Al-Farabi, Fakulti Ekologi Manusia | Pengerusi : Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti | Puan Rozi Tamin<br>Ketua Seksyen Dokumentasi<br>03-8947 1512<br>t_rozi@upm.edu.my | 1. Timbalan Wakil Pengurusan<br>2. Timbalan Penyelaras Audit<br>3. Timbalan Pegawai Kawalan Dokumen | 1. Pemurnian dokumentasi<br>2. Melihat pelaksanaan tahun 2016 | |